KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	9/1/2022 (AHAD)	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	PERHILITAN			

Harimau baham orang asli ditembak mati

Tembakan terpaksa dilepaskan berikutan haiwan itu bertindak meluru ke arah pasukan Perhilitan semasa proses tangkapan

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

FOTO: IHSAN PERHILITAN



Perhilitan Kelantan terpaksa menembak mati seekor harimau belang yang telah menyerang dan membaham seorang penduduk orang asli di Kampung Sau, Pos Bihai, Gua Musang pada Jumaat.

GUA MUSANG

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kelantan menembak mati seekor harimau belang yang telah menyerang dan membaham seorang penduduk orang asli di Kampung Sau, Pos Bihai di sini pada Jumaat.

Pengarah Perhilitan Kelantan, Mohamad Hafid Rohani berkata, tembakan itu terpaksa dilepaskan berikutan harimau belang berkenaan telah bertindak meluru ke arah pasukan berkenaan semasa proses tangkapan sedang dijalankan pada jam 12.15 tengah hari.

"Bangkai harimau belang berkenaan dibawa ke Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC) untuk tindakan selanjutnya," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Menurutnya, tindakan menembak haiwan berkenaan bersesuaian dengan Seksyen 52, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] kerana hidupan liar berkenaan berbahaya kepada nyawa manusia.

Mohamad Hafid berkata, sebelum ini pihaknya telah menjalankan pemantauan dan kawalan di kawasan perkampungan orang asli Pos Bihai berikutan terdapat tiga ekor harimau belang yang berkeliaran di kawasan berkenaan semenjak 10 Disember lalu.

Katanya, Perhilitan Kelantan turut memasang tiga perangkap yang dikenali sebagai 'Perangkap Wahab' yang mana dua di Kampung Tendrik dan satu di Kampung Hak, Pos Bihai.

"Pihak kami juga akan laksana beberapa kaedah tangkapan seperti menggunakan tembak pelali dan pemasangan perangkap bagi menangkap haiwan berkenaan di perkampungan Pos Bihai.

"Pada masa yang sama, pihak kami juga akan terus melaksanakan pemantauan dan memberi taklimat kepada penduduk kampung dari masa ke masa berkenaan perjalanan operasi serta langkah berjaga-jaga ketika berada di luar kawasan rumah," katanya.

Menurutnya, penduduk yang terserempak dengan hidupan liar dan sebarang aduan serta maklumat berkenaan hidupan liar boleh disalurkan kepada Jabatan Perhilitan melalui talian hotline Perhilitan **1-800-88-5151** atau e-aduan di laman web *www.wildlife.gov.my*.

Sinar Harian pada Jumaat melaporkan, seorang lelaki orang asli maut dibaham seekor harimau dalam kejadian di Kampung Sau, Pos Bihai pada Jumaat.

Mangsa dikenali sebagai Anek Along, 59.

LAPORAN MUKA DEPAN

Ancaman harimau belang, orang asli takut keluar bekerja



John (kanan) buntu memikirkan masa depannya dan keluarga selepas tidak dapat keluar ke kebun mencari rezeki susulan gangguan harimau liar.

GUA MUSANG - Lebih 2,000 masyarakat orang asli dari 18 kampung di Pos Bihai di sini diselubungi ketakutan untuk keluar bekerja apabila mereka berdepan ancaman tiga ekor harimau belang sejak sebulan lalu.

Dakwa penduduk, gangguan harimau belang itu menyebabkan mereka takut untuk masuk ke kawasan kebun sekali gus menjejaskan punca pendapatan mereka sebagai petani dan penoreh.

Wakil penduduk, John Asu, 50, berkata, gangguan harimau belang itu turut menjejaskan sumber bekalan makanan mereka.

"Bagaimanapun, penduduk ada menerima bantuan daripada pihak kerajaan negeri dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) untuk meneruskan hidup.

"Sekarang kami hanya bergantung kepada bantuan, hendak keluar ke kebun tidak selamat," katanya ketika dihubungi *Sinar Ahad*.

Menurutnya, salah seekor daripada harimau itu telah menghala masuk ke Kampung Bihai Lama.

Katanya, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) sudah masuk ke lokasi terbabit bagi tujuan menghalau harimau berkenaan.

Akhbar ini pada Jumaat melaporkan, seorang lelaki orang asli maut dibaham seekor harimau dalam kejadian di Kampung Sau, Pos Bihai.



Laporan *Sinar Harian* pada Jumaat lalu.